

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Mutiara Perdana Sungai Karang Darat, mengadakan kempen kesedaran alam sekitar dengan menganjurkan aktiviti satu rumah satu kebun yang pertama di negeri ini.

Mula dilancarkan April lalu, kini 55 rumah di kawasan terbabit menjayakan aktiviti menanam pelbagai jenis sayuran dan herba untuk kegunaan sendiri selain dibagikan kepada jiran.

Setiasaha KRT Taman Mutiara Perdana Zulhairi Md Ghani berkata, pihaknya mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dengan UMP yang bertanggungjawab memindahkan teknologi hijau kepada penduduk yang terbabit dengan projek itu.

Pusat pendidikan itu turut mengadakan program gotong-royong menanam dan menghias kawasan taman perumahan serta membina papan tanda membabitkan pelajar dan masyarakat se-

HARIAN METRO (UMP) 2/11/2017 (UHAMIS) 015: 45

# Kempen satu rumah satu kebun cetus aktiviti sihat



**ABDUL Syukur (duduk, kiri) bersama penduduk Taman Mutiara Perdana yang mengusahakan projek satu rumah satu kebun di Sungai Karang Darat.**

tempat.

"Minat penduduk setempat menjayakan projek satu rumah satu kebun turut menjadi pencetus kejayaan aktiviti sihat yang mendapat sokongan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

"Saya yakin selepas ini lebih banyak rumah akan terbabit projek satu rumah satu kebun menggunakan bahan terbuang termasuk teknik tanaman fertigasi dan hidroponik," katanya.

Sementara itu, pensyarah

Fakulti Kejuruteraan Alam Sekitar UMP Abdul Syukur Abd Razak berkata, pihaknya secara berperingkat memindahkan teknologi hijau kepada penduduk Taman Mutiara Perdana yang berminat dalam bidang pertanian.